



SEPTEMBER - OKTOBER 1995
ISSN 0128 - 1194

Suara

BANDARA

KUALA LUMPUR PERPUSSTAKAN

DIGITAL



ERA BARU HUBUNGAN KUALA LUMPUR-ANKARA

Datuk Bandar, Dato' Ibrahim Ahmad memberitahu DBKL sedia membantu Ankara dalam teknologi pembangunan untuk mewujudkan bandar raya dalam taman. Bantuan Kuala Lumpur itu akan disalurkan segera atas permintaan Datuk Bandar Ankara, I. Melih Gokcek, dalam siri lawatan ke Kuala Lumpur. Lawatan rasmi itu membuka era baru dalam hubungan dua hala dan memupuk kerjasama dalam semua bidang terutama ekonomi dan kebudayaan.

"Bantuan itu diharapkan dapat menjadikan

Ankara sebagai bandar raya yang penuh pokok-pokok dan taman yang menghijau. Kami berharap hasil sumburi itu dapat mengeratkan lagi hubungan dua hala antara Kuala Lumpur dan Ankara," katanya.

Lawatan delegasi Ankara itu ekoran lawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur ke Ankara tahun lalu dan berkesempatan mengadakanundingan dua hala dengan Ankara.

Dalam sidang akhbar yang sama, I. Melih Gokcek memberitahu, Ankara berminat mempelajari dan mempraktikkan sistem

perumahan dan sistem bandar yang telah berjaya membangunkan Kuala Lumpur dalam masa yang paling singkat berbanding bandar raya yang lain di dunia.

Beliau yang diiringi oleh isterinya, Nevin Gokcek kagum dengan pembinaan Light Rail Transit (LRT) dengan kos berbillian RM yang bakal mengatasi masalah kesesakan lalu lintas, bangunan berkembar 90 tingkat Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan Menara Kuala Lumpur di Bukit Nanas yang merupakan antara tiga menara yang tertinggi di dunia masa kini.

■ lihat muka 28

EDITORIAL

Penasihat:

Sanusi bin Samid

Editor:

Md. Dahlan bin Md. Noor

Sub Editor

Wan Abdullah Wan Abd. Ghani

Jurufoto:

Mubarak Mohd Atan

Abdul Rani Mohd Sohor

Sumbangan

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana, karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya. Sumbangan ini boleh disampaikan kepada:

EDITOR

Suara Bandaraya, Bahagian Hal Ehwal Awam, Jabatan Pengurusan Organisasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur atau berhubung dengan Encik Wan Abdullah Wan Abd. Ghani, Tel: 03-2916011 samb. 3855 dan Fax: 2980460

PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

NOMBOR TELEFON DBKL

Ibu Pejabat

Bangunan DBKL - 2916011

Hot Line (24 Jam) - 4231127

Unit Kecemasan 24 Jam

(JPBandar) - 9855484

Skuad Penyelamat 24 Jam

(DPenguatkuasaan) - 4231127

Aduan Awam - 2934531

Aduan IKAL - 2934531

Aduan JPPerumahan - 2934531

JPlesenan - 2934531

JP Penjaja - 2934531

DPenguatkuasaan - 4231127

JPengangkutan Bandar - 2910555

JPPerumahan - 2934531

Bhg. Keb. & Sukan - 2934531

Bukhahan - 4417551

Pej. Caw. Cheras - 9711551

Pej. Caw. Damansara - 7182277

Pej. Cawangan

Jln Kelang Lama - 7826117

Pej. Caw. Kepong - 6272900

Pej. Caw. Setapak - 4211142

Suara Bandaraya

Editorial / Kandungan

Rencana Menarik

SUARA BANDARAYA SEPTEMBER/OKTOBER 1995

- 1 Era Baru Hubungan KL- Ankara
- 2 Editorial / Kandungan
- 3 Dari meja Datuk Bandar
- 4 Berwawasan dan mampu hadapi cabaran
- 5 Vision and Perseverance
- 6 Rahsia Kembara
- 7 Zainal Ping Pong Wakili Negara
- 8 Pemudahcaraan Pembangunan
- 9 Peti Cadangan
Hari Keluarga PRO Meriah
- 10 Fungsi Pengurusan Sumber Manusia
- 12 Uji Dialog Bersama Gambar
- 13 Sekitak Lawatan ke Bandaraya
- 14/15 Album Bandaraya
- 16 Umat Berkualiti Matlamat Wawasan
- 17 Kecemerlangan Tunas Kejayaan
- 18 Bowling Padang Bawa Suhaiza ke Australia
Kenali Kaunseling Kelompok di Tioman
- 19 Sajak: Nakhoda Kota
- 20 Dua Pasang Suami Isteri Cipta Sejarah
- 21 Cita-Cita Memiliki Ijazah Tercapai
- 22 Kepentingan Kesihatan Wanita Bekerja
- 24 Agama: Fitnah
- 25 Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan dan
Profesional Gred II
Senarai Pertukaran Pegawai N3
- 26 Aduan Awam
- 27 Senarai Kakitangan Menerima Gaji Secara Melintang
- 28 A New Era in Kuala Lumpur -Ankara Bi-Lateral Ties





Dalam keadaan masyarakat kota yang sensitif dengan perubahan dan pembangunan negara, sesuatu isu perlu ditangani dengan segera dan memberi faedah kepada masyarakat. Sesungguhnya tanggungjawab yang dipikul oleh DBKL sememangnya berat, tidak dapat lari daripada kata-kata pujian dan kritikan. DBKL terpaksa melalui pelbagai cabaran dan perhatian terutama daripada tokoh-tokoh korporat, pelabur-pelabur, ahli-ahli politik, media massa

MEMBINA KUALA LUMPUR SATU CABARAN

dan wargakota yang semakin matang.

DBKL berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti pembinaan Light Rail Transit (LRT) yang menelan perbelanjaan berbilion RM, pembinaan rumah kos rendah untuk rakyat termiskin, projek pembesaran jalan termasuk pembinaan jambatan-jambatan, sukan dan rekreasi, projek bandar satelit, kondominium dan perdagangan.

Penekanan harus diberikan untuk mempertingkatkan peranan Kuala Lumpur sebagai pintu masuk para pelancong dari luar negara dan meningkatkan penanaman modal pelabur-pelabur asing.

Wawasan DBKL ingin mengimbangi pembangunan fizikal yang moden dengan warisan tradisional dan antara pembangunan konkrit dengan keindahan taman hijau. DBKL ingin menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya sahabat untuk wargakota dan pelancong, tanpa mengira bangsa, agama,

ideologi, kepercayaan, adat dan amalan dan harmoni.

Dengan meji yang terbuka dan tegas, DBKL akan bertindak secara adil dan salesama kepada penduduk Kuala Lumpur. Inej DBKL perlu predictable, bukan permissiv. Mereka yang melanggar peraturan dan undang-undang akan dikenakan tindakan tanpa mengira pangkat dan kedudukan.

Pegawai dan kakitangan DBKL diingatkan selalu supaya sentiasa menjaga nama baik dan imej organisasi dengan memberikan perkhidmatan yang cekap kepada wargakota, bekerja dengan cemerlang, bermotivasi tinggi dan berdisiplin. Mereka perlu berwaspada semasa menjalankan tugas dan berurusan dengan wargakota kerana segala tindakan, tingkah laku dan percakapan menjadi ikutan dan perhatian rakan sejawatan, kakitangan bawahan dan orang awam atau media massa.



From The Desk of the Mayor

CHALLENGES IN BUILDING A BETTER KUALA LUMPUR

In a society that is sensitive to changes and development experienced by the country, it is very crucial that all pre-bailing issues are handled effectively to ensure the benefits to the society. DBKL shouldered a heavy responsibilities. Its actions open it to praise and, on the other hand, criticism. It faces challenges and attention from corporate figures, investors, politicians, mass media and all citizens.

DBKL is currently overseeing a series of major projects which include: the construction of Light Rail Transit (LRT) which costs over billions of Malaysian Ringgit, the build-

ing of low cost housing for the poor, widening of roads and construction of overhead bridges, sports and recreational facilities, satellite township and condominiums, and commercial projects.

Stress should be given in upgrading KL's image and functions as the main entrance of foreign tourists which will result in the increment of foreign investments.

With a vision to maintain a balanced modern development within traditional values and conserve the structures among greenery, DBKL is projecting Kuala Lumpur as a 'friendly' city to both its residents and tourists from all walks of life.

Strict yet cooperative, DBKL will practice equality in its actions. Law offenders will be penalised regardless of their status and position in the society, thus establishing a non-permissive, predictable image.

All DBKL officials and staffs are frequently reminded to project a good image of DBKL. This can be achieved through quality service coupled with excellent performance, display of motivation and discipline in their conduct. Apart from that, they are advised to handle their daily tasks professionally as their conduct and actions will become the attention and focus of colleagues, subordinates, the public and the mass media.